



LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN NOTIS PELANJUTAN SEBUT HARGA

Susulan daripada Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 2 Dibawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 Dan Akta Polis 1967 Akibat Wabak COVID-19 (14 Jun 2021 – 28 Jun 2021). Lembaga Pembangunan Tioman mengambil langkah untuk melanjutkan **Tarikh Tutup Penjualan Dokumen Dan Tarikh Tutup Iklan Sebut Harga** seperti berikut:

NOMBOR SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TEMPOH PEMBELIAN DOKUMEN SEBUT HARGA	HARGA DOKUMEN SEBUT HARGA	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
TDA/SH/BKP/2021/01	MEMBEKAL, MENGHANTAR, MENGUJI DAN MENTAULIAH ALAT TEKNOLOGI MAKLUMAT BAGI KEGUNAAN DI BAHAGIAN PERBANDARAN DAN KERAJAAN TEMPATAN, KG TEKEK, PULAU TIOMAN.	210201	TARIKH: 9 JUN 2021 (RABU) HINGGA 30 JUN 2021 (RABU)	RM10	9 JULAI 2021 (JUMAAT) Sebelum 12.00 tengahari
TDA/SH/BKP/2021/02	MEMBEKAL, MENGHANTAR, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERALATAN KEJURUTERAAN DAN MESIN PENGELUARAN BAGI KEGUNAAN DI BAHAGIAN PERBANDARAN DAN KERAJAAN TEMPATAN, KG TEKEK, PULAU TIOMAN.	130101 130102		RM10	
TDA/SH/BKP/2021/03	MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG PERABOT BAGI KEGUNAAN DI BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, TELUK GADING, KUALA ROMPIN DAN BAHAGIAN PERBANDARAN DAN KERAJAAN TEMPATAN, KG TEKEK, PULAU TIOMAN.	020101		RM10	

1. Segala maklumat dan dokumen sebutharga boleh didapati dengan mengemukakan **Sijil Pendaftaran ASAL SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT (SSM), SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera sahaja ke <https://forms.gle/VSTLaYc7T9kfB6uk9> . Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan dan dijual seperti dinyatakan.
2. Dokumen Sebutharga hanya akan diemailkan kepada syarikat setelah pegawai kami membuat pengesahan penerimaan **SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT (SSM), SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera dan bukti **Pembayaran** yang dikemukakan sahaja. Syarikat juga perlu menyatakan **Nombor Sebutharga** yang dipilih serta **alamat email syarikat yang aktif** untuk pegawai pejabat ini menghantar dokumen sebutharga

3. Syarikat yang ingin memasuki sebutharga di atas adalah dikehendaki mengeluarkan **Wang Pos / Wang Kiriman / Secara Atas Talian (MBB/556039056851)** berharga mengikut harga dokumen sebutharga seperti dinyatakan yang dibuat atas nama **Lembaga Pembangunan Tioman** sebagai bayaran dokumen sebutharga. Sila buat serahan Wang Pos / Wang Kiriman / Slip Bayaran semasa penghantaran dokumen sebutharga.
4. Untuk makluman, dokumen sebutharga perlu dicetak oleh kontraktor. **Taklimat tidak akan dilaksanakan** bagi mengelakkan penularan Wabak Covid 19.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam **Sampul Surat Berlakri** dan bertanda dengan jelas di penjuru atas sebelah kiri **"Nombor Sebut Harga"** dan **"Tajuk Sebut Harga"** tanpa apa-apa pengenalan di luarnya. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah ditetapkan mengikut jadual di atas **tidak lewat daripada jam 12.00 tengahari** di alamat berikut:

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

No. 1 , Jalan Besar Tanjung Gemok 1, Telok Gading, 26820 Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur


6. Pihak **TDA** tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mengemukakan sebab-sebab tawaran tersebut ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan Sebut Harga ini.

Sekian dimaklumkan.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(NOR ZAIHAN BINTI OTHMAN)
Pengurus Khidmat Pengurusan
b.p.Pengurus Besar
Lembaga Pembangunan Tioman